

KEPERLUAN INSTRUMEN STRATEGI MENGHAFAZ AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB (TMUA)

STRATEGY INSTRUMENT REQUIREMENTS FOR MEMORIZING THE QUR'AN AMONG STUDENTS OF TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB (TMUA)

Noor Fadilah Binti Ambo^{1*}
Siti Eshah Mokhsein²

¹Jabatan Sains Sosial, MRSM Kota Kinabalu, Jalan Safoda Jica, Kinarut, 89500 Kota Kinabalu, Sabah
(Email: fadilahambo@gmail.com)

²Fakulti Pembangunan Manusia, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI, 35900 Tanjong Malim, Perak.
(Email: eshah@fppm.edu.my)

*Corresponding Author

Article history

Received date : 17-9-2020
Revised date : 28-9-2020
Accepted date : 4-11-2020
Published date : 14-12-2020

To cite this document:

Ambo, N. F., & Mokhsein, S. E. (2020). Keperluan Instrumen Strategi Menghafaz Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(34), 1 – 9.

Abstrak: Kajian tinjauan literatur ini adalah bertujuan untuk meninjau keperluan instrumen strategi menghafaz al-Quran pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) agar dapat membantu pelajar meningkatkan prestasi dalam pencapaian hafazan. Kajian mendapati terdapat tiga keperluan instrumen strategi menghafaz al-Quran iaitu untuk memenuhi keperluan matlamat program, meningkatkan pencapaian hafazan dan ketiadaan instrumen khusus untuk menilai dan mengukur strategi menghafaz al-Quran. Oleh yang demikian, Instrumen Strategi Menghafaz Quran (ISMEQ) yang mantap, terkini, mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan tinggi perlu dibangunkan bagi mengukur strategi menghafaz dengan menggunakan model pengukuran Rasch.

Kata Kunci: Keperluan, pembangunan instrumen, Strategi Menghafaz, Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) dan Rasch Model

Abstract: The purpose of this literature study is to observe the need of strategical Quran memorizing instrument for Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) students. This is to help to students to boost their hafazan achievements. This study shows that there are 3 basic instruments in strategical Quran memorizing which is to fulfill the program's objectives, to boost hafazan's achievements and to evaluate and measure the strategy in memorizing the Al-Quran. Thus, a comprehensive and updated Strategical Instrument in Memorizing Quran (ISMEQ) with a higher validity and accountability need to be cultivated in order to measure memorizing strategy by using Rasch measurement model.

Keywords: *Requirements, instrument development, strategical Quran memorizing, Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) and Rasch Model*

Pengenalan

Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan huffaz professional, program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) telah mula diperkenalkan pada tahun 2005 oleh kerajaan negeri Terengganu di Sekolah Menengah Imtiaz, Terengganu (Norhazriah, 2012). Manakala di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) telah dilaksanakan pada tahun 2009 bermula di MRSM Kota Putra, Besut, Terengganu (Siti Solehah & Umi Kalthom, 2016). Hasil kejayaan di Sekolah Menengah Imtiaz, Terengganu dan MRSM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah melaksanakan TMUA di sekolah menengah KPM mulai 2014 melalui Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016), teknik hafazan an-Nur dan sebagainya. TMUA menggunakan kurikulum sama seperti pelajar arus perdana cuma tambah hafazan al-Quran selain menjalani tempoh PdP yang panjang antara jam 6.30 pagi hingga 4.20 petang setiap hari.

Program TMUA ini telah mendapat sambutan yang tinggi daripada masyarakat dengan dibuktikan peningkatan bilangan sekolah yang bermodelkan Tahfiz Ulul Albab sejak 2005 hingga 2018 (Kementerian Pendidikan Malaysia) untuk menampung permintaan yang tinggi (Zainora Daud, Nor Nadirah Hussin dan Phayilah Yama, 2018). Sejajar dengan kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak juga pusat tahfiz di Malaysia juga semakin berkembang dengan pelbagai metod atau teknik diperkenalkan untuk memudahkan para huffaz menghafaz al-Quran seperti teknik Al-Baghdadi, teknik Sulaimaniyah di Maahad Tahfiz Sulaimaniyah (Ahmet Hilmi 2016).

Bahkan program ulul albab ini turut di implimentasi di Indonesia di Maahad Al-Zaytun dan Universiti Islam Negeri Maulana (Zainuddin, 2008; Luqman,2007; Suprayogo, 2004). Pendidikan bercorak ulul albab mula mendapat tempat dalam pendidikan di Indonesia bermula di akhir tahun 90-an. Pendekatan ulul albab pada dasarnya merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat yang membentuk satu dinamisme dalam bidang pendidikan. Pendidikan ini dilaksanakan di Universiti Islam Negeri Maulana dengan bermatlamatkan untuk melahirkan mahasiswa yang mampu menjadi khalifah dan mengharungi cabaran revolusi industri 4.0 (Rashidi Abbas, 2018).

Terdapat empat kategori sekolah yang melaksanakan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Malaysia iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).

Berdasarkan Jadual 1.1, seramai 17116 orang pelajar daripada 36 sekolah TMUA di Malaysia. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 7438 orang pelajar adalah daripada 11 buah sekolah SMKA, 2244 orang pelajar daripada 4 buah sekolah SBP, 4348 orang pelajar daripada SABK dan 3257 orang pelajar daripada 5 buah MRSM.

Jadual 1.1: Bilangan Sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (MUA)

Bil.	Sekolah	Bilangan Sekolah	Jumlah Bilangan Pelajar
1.	SMKA	11	7438
2.	SBP	4	2244
3.	SABK	16	4348
4.	MRSM	5	3086
Jumlah		36	17116

(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) MARA)

Sebelum TMUA diperkenalkan, enam model menghafaz al-Quran yang digunapakai sama ada di sekolah atau institusi tahfiz di Malaysia iaitu model hafazan al-Quran Deobandy dari India, model Panipati dari Pakistan, model hafazan Luh dari Mekah, model hafazan Cirebon dari Indonesia, model hafazan Turki dan model hafazan dari Malwali, Bangladesh (Sedek Ariffin & Zulkifli Mohd Yusoff ,2017). Setiap model-model ini mempunyai perbezaan dari aspek pelaksanaan hafazan. Oleh yang demikian, strategi-strategi menghafaz juga akan berbeza mengikut kesesuaian model-model tersebut kerana perbezaan kurikulum sekolah.

Tambahan pula, strategi pembelajaran tahfiz yang berkesan juga dapat membantu melahirkan seorang ahli yang profesional, teknorat dan usahawan yang bukan sahaja menggarap ilmu pengetahuan duniawi tetapi juga mempunyai pengetahuan al-Quran dan as-Sunnah sebagai generasi Ulul Albab (Nor Musliza, Mokmin, 2015; Siti Solehah, Umi Kalthom, 2016). Ini juga dapat menyokong institusi atau sekolah yang melaksanakan program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) sebagai kurikulum tambahan. Model ini boleh membantu pelajar-pelajar mereka terutama dalam dimensi proses menghafaz bersesuaian dengan kurikulum kebangsaan yang sedia ada. Sehubungan itu, strategi hafazan yang berkesan dapat menghasilkan pelajar yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga pada aspek sahsiah pelajar (Anis Syahirah, Sabri, 2017; Azmil, Misnan, Ab. Halim, Mohd Aderi, 2014; Abdul Hafiz & Norhanan, 2010; Zubaidah Begam, 2007; Abdul Hafiz, Hussin, Azmi Shah, Sulaiman Shakib, Kamarul Azmi, Abdul Basit, 2005).

Keperluan Instrumen Strategi Menghafaz Al-Quran

Matlamat Program

Walaupun perkembangan sekolah tahfiz di Malaysia semakin hari semakin berkembang dengan pesatnya tetapi kurikulumnya masih berada ditahap lama tanpa sebarang penambahbaikan. Dinyatakan dalam kajian Azmil (2010) bahawa matlamat program TMUA belum tercapai sepenuhnya kerana tidak ramai pelajar dapat menghafaz 30 juzuk dalam tempoh 3 tahun. Pelajar MRSM Kota Putra yang khatam (hafiz) 30 juzuk ketika mereka berada di tahun yang keempat iaitu Tingkatan 4 adalah seramai 29 orang daripada 160 orang. MRSM Gemenchek pula melahirkan 19 orang huffaz daripada 174 orang, manakala MRSM Kepala Batas seramai 38 orang daripada 149 orang (Bahagian Pendidikan Menengah MARA, 2018). Hal ini menjelaskan bahawa pencapaian hafazan yang tidak selari dengan pencapaian akademik walaupun terdapat juga pelajar yang khatam (hafiz) ketika berada di Tingkatan 5 namun masih juga ramai yang tidak mencapai target (Noor Fadilah dan Siti Eshah, 2020).

Pencapaian Hafazan

Sebagaimana yang kita ketahui, pelajar-pelajar tersebut adalah merupakan pelajar tahfiz di bawah model yang sama iaitu Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) namun pencapaian mereka dalam hafazan berbeza diantara satu sama lain. Berdasarkan kajian yang pernah dijalankan oleh Azmil, Ab Halim, Misnan & Mohd Aderi (2014) didapati bahawa antara faktor kelemahan pencapaian pelajar dalam hafazan ialah pelajar tidak mempelbagaikan kaedah hafazan dan berkemungkinan disebabkan kurang pendedahan daripada guru tahfiz di sekolah.

Malah kajian dalam bidang pendidikan mendapati pelajar yang mempunyai strategi dalam pembelajaran dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka (Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Mohd Sahari Nordin, Mohd Burhan Ibrahim (2018); Marsh, Hau, Artelt, Baumert, & Peschar (2006); Zimmerman & Martinez-Pons (1990). Bukan itu sahaja, pelajar-pelajar juga perlu mempunyai pendekatan yang lebih mendalam dalam pembelajaran untuk membantu mereka mencapai matlamat (Biggs, 2003). Begitu juga dalam menghafaz al-Quran. Strategi menghafaz al-Quran yang baik dapat membantu meningkatkan pencapaian hafazan mereka. Menurut Intan Zakiah dan Munif Zariruddin (2016) strategi pembelajaran tahfiz telah dikenal pasti mempunyai kesan terhadap pencapaian lisan (syafawi) dan bertulis (tahriri). Strategi-strategi pembelajaran tersebut adalah bergantung terhadap model-model menghafaz al-Quran.

Instrumen Strategi Menghafaz

Walaupun bagaimanapun, untuk mengetahui strategi menghafaz pelajar TMUA satu instrumen strategi menghafaz yang baik perlu digunakan. Namun demikian, pengkaji mendapati kebanyakan instrumen strategi pembelajaran banyak digunakan untuk pembelajaran dalam mata pelajaran bahasa seperti *Learning Strategy and Study Inventory (LASSI)*, *Text-Learning Strategy Inventory*, *Inventory for Language Learning Strategies (CILLS)*, *General Metacognitive Strategies Inventory (GMSI)*, *Strategy Inventory for Language Learning (SILL)*, Inventori Cara Belajar Bahasa Melayu dan Inventori Strategi Pembelajaran Kosa Kata.

Hanya sedikit sahaja instrumen untuk mengkaji keberkesanan pembelajaran pelajar daripada aspek metakognitif pelajar itu seperti *Learning Strategy Inventory*, *The School Motivation and Learning Strategy Inventory (SMALSI)*, *Self-Regulated Learning Strategies* dan *Culture Learning Strategies Inventory*.

Instrumen yang sedia ada di dalam mahupun luar negara tersebut tidak dibangunkan untuk mengukur strategi hafazan. Malahan, semua instrumen strategi pembelajaran tersebut agak lama, tidak diperbaharui dan tidak mengukur secara komprehensif serta tidak sesuai dengan strategi pembelajaran pelajar tahfiz Model Ulul Albab di Malaysia.

Perbincangan

Pengkaji mendapati tidak ada instrumen lagi untuk mengukur strategi pembelajaran tahfiz mengikut standard kurikulum TMUA dalam konteks Malaysia dibina untuk mengukur strategi menghafaz al-Quran iaitu boleh mengukur strategi menghafaz merangkumi strategi kognitif, metakognitif dan afektif pelajar.

Justeru, untuk mencapai sebahagian matlamat kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) iaitu dapat menghafaz 30 juzuk al-Quran, pelajar-pelajar perlu mempunyai strategi dalam pembelajaran sebagaimana dalam ciri-ciri Ulul Albab seperti quranik, ensiklopedik dan

ijtihadik. Merujuk kepada modul MRSM Ulul Albab Kota Putra (2009) bahawa Ulul Albab bermaksud satu golongan yang mempunyai asas yang kukuh dalam al-Quran, ilmu pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati kejadian tuhan melalui mata hati dan akal yang tajam serta mengambil iktibar darinya. Quranik pula merujuk mereka menghafaz 30 juzu' al-Quran serta memahami berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS). Pelajar yang mempunyai ensiklopedik akan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, menjadi tempat rujukan serta menguasai pelbagai bidang ilmu dan bahasa asing. Manakala ijtihadik ialah pelajar yang berkeupayaan memberikan pandangan dalam penyelesaian masalah umat, memaksimumkan keupayaan otak dan minda, berfikiran kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi (Norhazriah, 2012).

Strategi Pembelajaran merupakan suatu pemikiran, tingkah laku, kepercayaan atau emosi yang memudahkan perolehan, pemahaman dan pemindahan pengetahuan dan kemahiran baru (Weinstein, Husman & Dierking, 2000). Bagi mencapai tahap kecemerlangan akademik yang tinggi pelajar-pelajar daripada pelbagai latar belakang akan melibatkan interaksi beberapa faktor seperti persekitaran sekolah, motivasi dan faktor diri pelajar itu sendiri (Pintrich & De Groot, 2000). Tuckman (2000) pula mengatakan bahawa kecemerlangan pencapaian akademik seseorang pelajar itu adalah hasil interaksi antara kepercayaan tentang kebolehan diri melalui strategi pembelajaran yang mereka pilih.

Begitu juga dalam proses menghafaz kerana dalam hafazan, proses dan aktiviti pengulangan akan berlaku. Satu hakikat yang tidak boleh dipertikaikan bahawa hafazan ialah aktiviti menyimpan pengetahuan. Ia sebenarnya memerlukan kekuatan akal dan diakui sebagai cara yang baik bagi mengekalkan ingatan dan kecerdasan akal (Fathiya, Ahamd Fauzi, Norlizah, Lukman dan Wan Marzuki, 2018). Mempunyai strategi atau kaedah yang kreatif dalam menghafaz mampu meningkatkan minat, motivasi dan mengekalkan tumpuan pelajar dalam pembelajaran mereka (Nor Musliza & Mokmin, 2014).

Oleh yang demikian, strategi pembelajaran pelajar TMUA perlu diambil perhatian agar pencapaian hafazan mereka juga meningkat seiring dengan pencapaian akademik (Nor Musliza, Mokmin, 2016; Azmil, Ab. Halim, Misnan, Aderi, 2014; Rozani, 2013; Misnan & Ahmad Yunus, 2003). Mempunyai strategi dalam menghafaz juga bertujuan untuk menghasilkan satu proses pembelajaran yang berkesan kepada pelajar seterusnya menyumbang sesuatu perkara yang berkualiti kepada pendidikan negara kita (Meor Ibrahim & Assaadah, 2011) dan menjamin kualiti pelajar-pelajar TMUA sekurang-kurangnya mereka hafiz quran sebelum tamat pengajian di MRSM walaupun bukan dalam tempoh tiga tahun sebagaimana yang telah ditetapkan.

Kesimpulan Dan Cadangan

Instrumen Strategi Menghafaz Quran (ISMEQ) yang mantap, terkini, mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan tinggi perlu dibangunkan bagi mengukur strategi menghafaz. Seterusnya, dalam konteks pembangunan instrumen, model pengukuran Rasch boleh meningkatkan prestasi pencapaian hafazan pelajar kerana Model Rasch boleh mengatasi kelemahan dalam menggunakan skor mentah sebagai keupayaan dan sebagai item kerangka kerja analisis Teori Ujian Klasik (Siti Rahayah 2013).

Menurut Siti Eshah Mokhsein (2018), Model Rasch adalah model yang paling awal menggunakan Teori Respon Item (TRI) kerana ciri utama model Rasch adalah model kebarangkalian yang telah direka untuk menjawab persoalan utama iaitu; bila seseorang individu dengan kebolehan tertentu (bilangan item-item ujian yang betul) berhadapan dengan sesuatu item dengan parameter kesukaran tertentu (bilangan calon yang menjawab item tersebut dengan betul), apakah kebarangkalian (*likelihood*) bahawa individu tersebut dapat menjawab item tersebut dengan betul? (Bon dan Fox, 2012). Dengan model Rasch, kebarangkalian ini meningkat seiring dengan nilai beberapa lagi parameter item seperti parameter kesukaran, parameter diskriminasi dan parameter kesukaran.

Maka dengan itu, hanya model pengukuran Rasch sahaja yang didapati mampu menyelesaikan masalah-masalah seperti menghasilkan pengukuran yang linear, boleh menggunakan semua jenis data, mengesan misfit atau outlier dan memberikan instrumen pengukuran yang berasingan atau tidak bersandaran bagi parameter objek yang dicerap (Azrilah Abdul Aziz, Mohd Saidfudin Masodi dan Azami Zaharim, 2017). Bukan itu sahaja, model Rasch juga mampu mengesan ketidaktepatan model dan menghasilkan pengukuran yang boleh diulang semula.

Reference

- Abdul Hafiz Bin Abdullah & Norhanan Binti Abdul Rahman. 2009. *Kaedah Hafazan Al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz Al-Quran Darul Tuba*. Tangkak, Johor. t.pt.
- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah dan Nursafazilah Binti Maksom. 2016. Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'alim, Kg Tengah Kluang. Dalam Zulkifli Mohd Yakub bin Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz alQuran*. Darul Quran JAKIM: Selangor.
- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah, Hussin Bin Salamon, Azmi Shah Bin Suratman, Sulaiman Shakib Bin Mohd Noor, Kamarul Azmi Bin Jasmi, Abdul Basit Bin Samat @ Darawi (2005). *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur Dan Terengganu*. t.pt.
- Abdul Hafiz Bin Abdullah & Norhanan Binti Abdul Rahman (2009). *Kaedah Hafazan Al Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz Al-Quran Darul Tuba, Tangkak, Johor*. t.pt
- Anis Syahirah Fauzan, Sabri Mohamad (2017). *Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. Journal of al-Quran and as-Sunnah Vol 2, No 2 (2017) 54-59.
- Azra, A. (1999). *Menuju Masyarakat Madani*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Azrilah Abdul Aziz, Mohd Saidfudin Masodi dan Azami Zaharim, (2017). *Asas Model Pengukuran Rasch: Pembentukan Skala & Struktur Pengukuran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmil Hashim, Ab Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh. 2014. *Kaedah tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar*. Journal of al-Quran and Tarbiyyah.
- Azmil Hashim & Ab Halim Tamuri. 2012. *Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tadabbur. Tahfiz al- Quran di Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education.
- Azmil Hashim, Tamuri, H., Noh, C., & Aderi, M. (2014). *The Relationships between Etiquettes of Tahfiz (Memorization Al-Qur'an) and Tahfiz Achievement*. Australian Journal of Basic & Applied Sciences, 8 (23).
- Biggs, J. 2003. *Teaching for quality learning at university*. Buckingham, UK: The Society for Research into Higher Education.

- Bond, T. G. & Fox, C. M. 2012. *Applying the Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences. Edisi ke-2*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Fadzilah Siraj, Yong Zulina Zubairi, Abdul Razak Saleh, Rohana Jani, Md. Yusoff Abu Bakar dan Md. Radzi Johari (2012). *Strategi Pembelajaran Pelajar Perubatan Dan Pergigian di Institusi Pengajian Tinggi*. Current Research In Malaysia(Cream), Vol 1, No. 1, Oct, Pp 73-88.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan Lukman Abd Mutalib dan Wan Marzuki Wan Jaafar (2018). *Pembelajaran Murid Tahfiz Sekolah Agama Kerajaan Di Malaysia: Bentuk Adab Dan Amalan Murid Yang Dilaksanakan*. International Journal of Education, Psychology and Counseling. Volume: 3 Issues: 7 [March, 2018] pp.18-30
- Gursoy, Esim (2013). *The Development of a Children's Inventory for Language Learning Strategies (CHILLS)*. Journal of Educational and Social Research. Vol. 3 No. 7.
- Intan Zakiah & Munif Zarirudin. 2016. *Memahami Kepentingan Karakteristik Pelajar Tahfiz Terhadap Pencapaian Subjek Hifz al-Quran*. Journal Hadhari. Penerbit UKM.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mardhiah Yahaya. 2016. *Pelaksanaan Modul Pengajaran Tahfiz (Modul Quranik) di MRSM Ulul Albab*. Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad (pnyt). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, hlm. 76-86. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha dan Abdullah Awang Lampoh (2009). *Integrated Islamic Education in Brunei Darussalam: Philosophical Issues and Challenges*. Journal of Islamic and Arabic Education 1(2), 2009 51-60
- Musliza Musa dan Mokmin Basri. 2014. *Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Moden: Satu Kajian Awal*. Proceeding of the Social Sciences Research. 9-10 June, Kota Kinabalu, Sabah
- Misnani Jemali & Ahmad Sadadi Hafidz (2003). *Hubungan antara Kaedah Menghafaz al Quran dengan Pencapaian Kursus Tahfiz wa al-Qiraat Pelajar Semester Empat dan Lima di Maahad Tahfiz wal Qiraat di Perak*. Seminar Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Meor Ibrahim & Assaadah, (2011). *Kajian Gaya Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar UTM*. Journal of Educational Psychology and Counseling, volume 2, Jun 2011, Pages 51-77
- Mokshein, S. E., Saidon, Z. L., & Doig, B. (2016). The Validation of a Basic Knowledge Test of Music for the Cultural Arts Guidance Program (PBSB) in Malaysia Using the 2 Logistic (2PL) Model Item Response Theory. *Malaysian Journal of Music*, 5(1), 20-36. Retrieved from <http://ojs.upsi.edu.my/index.php/MJM/article/view/813>
- Mustaffa, Muhaidi. 2010. *Hafazan al-Quran dan hubungannya dengan kecemerlangan pelajar: kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulau Chondong, Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007*. Masters Thesis, University of Malaya.
- Nasirah, Norhasliza, Siti Zubaidah (2016) *Hubungan Motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Kejuruteraan: Tinjauan dalam kalandan pelajar semester akhir Diploma Kejuruteraan di Politeknik Sultan Azlan Shah*.
- Norhazriah Mohamed@Ismail. (2012, April). *Program Ulul Albab Sebagai Suatu Proses Transformasi Pendidikan Malaysia. Kajian Kes: Sek. Men. Imtiaz, Terengganu*. Paper Pembentangan dalam Bengkel Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam V(WAPI-5), Medan. Diakses dari

- http://www.academia.edu/8050819/PROGRAM_ULUL_ALBAB_SUATU_PROSES_RANFORMASI_PENDIDIKAN_Malaysia_KAJIAN_KES_SEKOLAH_MENENGAH_IMTIAZ_TERENGGANU_1
- Noor Fadilah Ambo dan Siti Eshah Mokhsein (2019). *Trend and Issue in Learning Strategy of Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 9(7), 1418– 1426.
- Nor Musliza, Mokmin Basri dan Sedek Ariffin (2016). *Gaya Pembelajaran Pelajar dalam Proses Hafazan dan Kefahaman Makna al-Quran: Satu Tinjauan*.
- Rohana Zakaria, Hayati Hussin dan Adzam Rasdi 2015. *Tadabbur al-Quran: Syarat Utama yang diperlukan Untuk Mencapai Objektif al-Quran*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015.
- Rashidi Abbas dan Azhar Jaafar @ Ramli (2018). *Pendidikan Tahfiz dan Kemahiran Insaniah*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- Rohaya (2009). *Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Ujian Literasi Pentaksiran*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Siti Rahayah Ariffin (2003). *Teori, konsep & amalan dalam pengukuran dan penilaian*. Bangi: Pusat Pembangunan Akademik UKM.
- Siti Eshah Mokhsein (2018). *Aplikasi Teori Respon Item dalam Penyelidikan*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sudarwan Danim dan Darwis (2003) *Metode Penelitian Kebidanan : Prosedur, Kebijakan, dan Etik*. Jakarta : Penerbit Buku Kedokteran EGC.
- Siti Solehah Ibrahim, Umi Kalthom Abdul Manaf (2013). *Penelitian Terhadap Ciri-ciri Pemilihan Pelajar ke Maktab Rendah Sains MARA Berdasarkan Elemen Sahsiah Bagi Pelaksanaan Kurikulum Ulul Albab*. GREDEC
- Siti Solehah Ibrahim, Umi Kalthom Abdul Manaf, Ady Hameme Nur Azman, Fathiyah Fakhruddin, Fadzilah Abdul Rahman, Hafizah Zulkifli (2014). *Ciri-ciri Sahsiah Pelajar Pintar Cerdas di Maktab Rendah Sains MARA Ulul Albab*. Prosiding Seminar Penyelidikan dan Pembangunan Sumber Manusia 2014, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM
- Sidek Baba. 2016. *Perkasa Pendidikan Tahfiz Negara*. Utusan Malaysia, 27 Mac: 3.
- Sedek Ariffin & Zulkifli Mohd Yusoff (2017). *Memperkasa Generasi Penghafaz alQuran*. Darul Quran JAKIM: Selangor.
- Sedek Ariffin, Mustaffa Abdullah, Muhamad Alihanafiah Norasid. (2017). *Modul-Modul Hafazan Al Quran*. Kuala Lumpur: UM Press
- Weinstein, C. E., & Mayer, R. E. (1986). The teaching of learning strategies. In M. Wittrock (Ed.), *Handbook of research on teaching* (pp. 315-327). New York: Macmillan.
- Weinstein, C. E., Schulte, A., & Palmer, D. R. (1987). *The Learning and Study Strategies Inventory*. Clearwater, FL: H & H Publishing.
- Weinstein, C. E., Husman, J., & Dierking, D. R. (2000). Self-regulation interventions with focus on learning strategies. In M. Boekaerts, P. R. Pintrich & M. Zeidner (Eds.) *Handbook of self-regulation* (pp. 728-744). San Diego, CA: Academic Press.
- Wiersma, W. (1995). *Research methods in education: An introduction*. Boston: Allyn & Bacon.
- Zainora Daud, Nor Nadirah Hussin dan Phayilah Yama (2018). *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAH 2018)*^{7th} MAC 2018. Ilim, Bangi, Selangor.

- Zamri Mahamod (2014). *Kemahiran Bahasa Melayu untuk pelajar warganegara asing di IPTA dan IPTS Malaysia*. Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu Kali Ke-3, 1-6. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, Jamaludin Badusah & Sharala A/P Subramaniam (2014). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing Berdasarkan Kemahiran Bahasa dan Gred*. Jurnal Personalita Pelajar 17 (2014): 75 – 81.
- Zanarih Abd Mutalib (2018, Januari 9). *Kerajaan komited lahirkan 125,000 huffaz*. Berita Harian. Retrieved on 10 November 2018, from: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/373115/kerajaan-komited-lahirkan-125000-huffaz>
- Zimmerman & Martinez-Pons (1990). *Student Differences in Self-Regulated Learning: Relating Grade, Sex, and Giftedness to Self-Efficacy and Strategy Use*. Journal of Educational Psychology 1990. Vol.82, No.1,51-59.
- Zulkiffli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, Nor ‘Azzah Kamri, Nor Aini Ali, Norhayati Hamzah dan Naeimah Ramlan, (2018). *Trend Masyarakat Terhadap Pendidikan Tahfiz*. Darul Quran JAKIM.
- Zubaidah Begam. 2007. *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik : Tinjauan di Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun 1*, UTM, Skudai, Johor. Latihan Ilmiah Sarjana. Skudai : UTM